

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2017

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN • ISNIN 25 SEPTEMBER 2017
AUBUNGI SKUAD HULU SELANGOR: MOHD RIDZUAN ABU HASSAN - 019-6680259 / 019-3371068

HULU SELANGOR 39

Dapat sambutan luar jangkaan

Karnival Sungai Selangor imbas kembali nostalgia permainan zaman dahulu

KUALA KUBU BHARU - Karnival Sungai Selangor di Alor Lempah meriah apabila orang ramai membanjiri kawasan rekreasi itu seawal jam 7 pagi bagi menyertai pelbagai acara sukan air.

Penganjuran kali kedua bersempena Tahun Melawat Hulu Selangor itu mendapat sambutan luar jangkaan dengan acara seperti pukul bantal, tangkap itik, panjat tiang lincin, lari dalam air, pelampung air dan banyak lagi.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Azman Dahlan berkata, program anjuran bersama Penyelaras Parlimen Hulu Selangor memilih lokasi Alor Lempah yang merupakan johan kategori sungai pada pertandingan Sungai dan Pantai Angkat Negeri Selangor 2016.

Menurutnya, Alor Lempah giat dinaiktarafkan dengan pelbagai kemudahan bagi menyertai pertandingan sama pada tahun ini.



Perasmian program yang dianjurkan bersempena Tahun Melawat Hulu Selangor.

"Orang ramai mengambil bahagian dalam setiap acara disediakan manakala kanak-kanak boleh bermandi-mandi kerana lokasi sungai ini tidak dalam dan amat berseesuaian untuk riadah keluarga. "Acara yang dipertandingkan mengembalikan nostalgia permainan zaman dahulu yang menyeronokkan apabila melibatkan aktiviti di sungai.

"Alor Lempah antara lokasi pelancongan Tahun Melawat Hulu Selangor selain berbagai lagi des-



Acara pukul bantal menarik perhatian pengunjung menyaksikan gelagat peserta yang mahu menjatuhkan lawan.

tinasi lain termasuk sukan lasak seperti luncur udara, *water rafting*, cabaran pacuan empat roda dan mendaki gunung," katanya kepada *Sinar Harian*.

Majlis perasmian dihadiri, Penyelaras Parlimen Hulu Selangor, Khalid Jaafar dan Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong.

Azman berkata, dua acara lagi bakal berlangsung iaitu Festival Makanan dan Kuala Kubu Bharu Festival Seni pada November depan.